

Hutang 30 along penuhi kehendak isteri

» Ramai suami terjebak ceti haram angkara pasangan mahu hidup mewah

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias

wanti@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mendakwa kira-kira 80 peratus daripada 2,000 mangsa pinjaman ceti haram atau along yang dikendalikan mereka sepanjang tahun lalu, membabitkan suami yang berhutang demi memenuhi kehendak isteri.

Antara kes dikemukakan itu termasuk suami yang berhutang untuk memenuhi kehendak isteri

yang mahu bergaya mewah seperti memiliki kenderaan, kedian dan perniagaan serta melunaskan hutang perkahwinan besar-besaran.

Ketua Unit Tindakan Khas PPIM, Muhammad Yusuf Azmi, berkata fitrah lelaki yang sanggup berkorban dan rela 'dibuli' demi memenuhi kehendak, keperluan dan harapan isteri, walaupun menyedari akhirnya boleh menjerat diri sendiri.

Beliau berkata, kesan meminjam daripada ceti haram itu mengheret suami terbabit kepada pelbagai rantaian masalah lain seperti menanggung kadar bunga yang tinggi, sehingga terpaksa meminjam daripada ceti haram lain pula.

"Ada kes yang diterima PPIM menunjukkan seorang suami meminjam daripada lebih 30 along dalam tempoh setahun, membuatkan dia terperangkap dalam beban hutang yang banyak.

"Purata kes menunjukkan seorang suami meminjam lebih da-



Muhammad Yusuf Azmi

ripada tiga ceti haram sepanjang tempoh berhutang dan ia adalah aliran serius dan membimbangkan.

Hingga sanggup bunuh diri

"Kesan daripada masalah ini, ada yang sanggup bunuh diri serta menagih dadah manakala ramai

yang menjadi gila akibat pendraaan mental dan tekanan melampau daripada along," katanya kepada BH.

Muhammad Yusuf berkata, ada suami turut berhadapan tekanan daripada isteri yang bimbang keselamatan keluarga terjejas akibat ugutan along.

"Masyarakat perlu sedar, kesan terjebak dan bersubahat dengan riba boleh mengakibatkan pelbagai masalah timbul sehingga boleh meruntuhkan rumah tangga," katanya.

Sehubungan itu berkata, kerajaan wajar mengkaji penubuhan kementerian pembangunan khusus untuk lelaki sebagai pusat perlindungan, rujukan ilmu, nasihat dan bantuan sebagaimana pembangunan wanita berfungsi.

"Perubahan zaman menunjukkan lelaki tidak terkecuali mengalami penderaan fizikal dan mental dalam pelbagai aspek kehidupan.

"Saya ingin tegaskan lelaki yang diamanahkan sebagai ketua ke-

luarga, masyarakat dan organisasi, tidak boleh membuat keputusan yang baik dalam keadaan fikiran bercelaru," katanya.

BH baru-baru ini melaporkan pakar perundangan mencadang penubuhan jabatan hal ehwal lelaki kerana situasi semasa menyaksikan golongan suami tidak terkecuali daripada menjadi mangsa penganiayaan rumah tangga.

Suami mangsa dera

Ia susulan laporan akhbar ini berhubung kajian pakar sosial Universiti Putra Malaysia yang mendedahkan 70 peratus lelaki didera secara mental sebagai punca percerayaan di negara ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Karim, dalam reaksinya, berkata jabatan khusus untuk kaum lelaki di negara ini tidak perlu kerana perancangan, pelaksanaan dasar dan gerak kerja kementeriannya menjurus kepada kedua-dua gender.